

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	15 JUNE 2017

# Laporan kemelut FGV siap: Najib

→ Fakta, keputusan diteliti berdasarkan undang-undang syarikat, tadbir urus baik, proses adil

BH - 15/6/2017  
pg. 2

Oleh Irwan Shafrizan Ismail  
irwansha@bh.com.my

Putrajaya

Laporan pihak bebas yang dilantik kerajaan bagi menyelesaikan kemelut Felda Global Ventures Holdings Bhd (FGV) sudah disiapkan, kata Datuk Seri Najib Razak.

Perdana Menteri berkata, laporan itu akan dibentangkan bekas Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Idris Jala kepadanya dalam masa terdekat.

“Laporan itu sudah disiapkan tapi sedang meneliti segala fakta dan apa keputusan yang sebaik-baiknya berdasarkan tiga prinsip iaitu undang-undang syarikat, urus tadbir yang baik dan proses yang adil.

## Teliti pendekatan, pilihan

“Idris akan datang semula (bertemu saya)... saya mahu beliau melihat beberapa pendekatan dan pilihan, yang boleh diambil FGV,” katanya pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Kewangan Negara (MKN) di sini, semalam.

Pada 6 Jun lalu, Lembaga Pengerah FGV mengarahkan Presiden Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif FGV, Datuk Zakaria Arshad; Ketua Pegawai Kewangan, Ahmad Tifli Mohd Talha; Ketua Pegawai Eksekutif FGV Trading, Ahmad Salman Omar dan Pengurus Besar Kanan Delima Oil Products, Kamarzaman Abd Karim, untuk bercuti.

Susulan keputusan FGV itu, kerajaan melantik Idris sebagai pihak bebas untuk menyelesaikan kemelut FGV.

Pejabat Perdana Menteri, dalam satu kenyataan memaklumkan Idris bertanggungjawab mengumpul fakta kes dan membuat cadangan penyelesaian berhubung keputusan FGV mengarahkan empat pengurusan tertingginya bercuti.

Sementara itu, Pengerusi FELDA, Tan Sri Shahrir Abd Samad yang ditemui selepas mengadakan pertemuan dengan Najib di Kementerian Kewangan, berkata: “Saya sampaikan pandangan FELDA kepada Perdana Menteri bahawa tentunya FGV sebagai sebuah syarikat yang ada hubungan dengan kerajaan mesti tunjukkan amalan tadbir urus korporat begitu tinggi.

## Wakil FELDA dalam FGV

“Sebab itu kami tegaskan bahawa FELDA sebagai pemegang saham terbesar dalam FGV, perlu juga mempunyai wakil untuk duduk dalam Lembaga Pengarahnya.

Dalam pada itu, mengulas mesyuarat MKN semalam, Perdana Menteri berkata, MKN bersetuju Kerajaan Persekutuan menyediakan caruman kepada Kumpulan

Wang Rizab Negeri (KWRN) 2019 sebanyak RM290 juta bagi membiaya Pemberian Berdasarkan Tahap Pembangunan Ekonomi, Infrastruktur dan Kesejahteraan Hidup (TAHAP).

Jumlah caruman KWRN diluluskan untuk 2017 adalah RM530 juta dan RM330 juta bagi 2018.

Perdana Menteri berkata, MKN juga sudah menerima laporan bahawa prestasi perbelanjaan Pemberian Penyelenggaraan Jalan Raya Negeri (MARRIS) oleh kerajaan negeri semakin baik, iaitu 103 peratus.

“Jumlah peruntukan yang disediakan Kerajaan Persekutuan untuk membiayai MARRIS pada 2017 berjumlah RM4.2 bilion berbanding RM770 juta pada 2002.

“Kerajaan berharap semua negeri meningkatkan prestasi perbelanjaan MARRIS dan mutu penyelenggaraan jalan negeri supaya faedahnya dapat dinikmati rakyat,” katanya.